

# Lawan penyakit demi PhD

Dr Umi Kalsom buktikan menderita 'adhesion colic' bukan alasan untuk capai kejayaan

■ ERMA YUSNIDA JUSOH

KUANTAN - Semangat yang tinggi untuk menamatkan pengajian di peringkat Doktor Falsafah (PhD) membuatkan pensyarah Bahasa Inggeris Universiti Tenaga Nasional (Uniten) Muadzam Shah, Dr Umi Kalsom Masrom, 37, tabah melawan penyakit 'adhesion colic' yang dihidapinya dua tahun lalu.

Penyakit adhesion colic yang berkaitan usus itu membuatkan dia tidak mampu makan makanan yang berat seperti nasi dan hanya bergantung pada roti, sayur-sayuran dan ikan.

Beliau yang disahkan mengidap penyakit itu semasa tahun kedua pengajian mengakui patah semangat untuk meneruskannya.

Dr Umi Kalsom yang mengambil program PhD dalam Aplikasi Linguistik itu berkata, pada mulanya dia mengalami sakit perut berpanjangan sebelum mendapatkan rawatan di hospital.

Sebaik disahkan doktor mengenai penyakit itu, dia hanya memikirkan keadaan empat anaknya yang berusia

11 hingga 6 tahun.

Menurutnya, dia yang mengambil PhD secara sepenuh masa diberi cuti belajar dengan biasiswa Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

"Saya hanya fikirkan macam mana saya nak tamatkan PhD jika saya sakit, masa tu saya tengah siapkan tesis.

"Fikiran saya jadi bercelaru kerana bimbang tak mampu tamatkan pengajian. Bagaimanapun, sokongan suami, Irman Khalil, 37, jadikan saya lebih positif," katanya.

Dr Umi Kalsom berkata, dia juga bertuah kerana penyeliaanya, Dr Nik Aloesnita Nik Mohd Alwi yang menjadi penasihat untuk PhDnya turut memberi semangat.

"Dia nasihatkan saya supaya jalani rawatan dan teruskan pengajian lepas kesihatan mengizinkan.

"Saya buat keputusan untuk tak lakukan pembedahan kerana doktor tak beri jaminan penyakit ini akan sembuh, sebaliknya kena kawal makanan," katanya.

Jelasnya, selepas keadaan kesihatannya terkawal, dia memberi fokus terhadap pengajian bagi menghadapi pembentangan akhir projek (Viva) pada hujung tahun lalu.

Katanya, walaupun berdepan beberapa kesulitan seperti anak sakit



Dr Umi Kalsom bersama suami dan anak-anak.

dan keadaan kesihatannya sendiri, namun dia tetap kuat melalui saat-saat tersebut.

"Saya letakkan sasaran mahu tamatkan PhD dalam tempoh tiga tahun dan saya berusaha keras untuk menyiapkan tesis.

"Saya rasa berbaloi apabila berjaya dan lulus masa pembentangan Viva. Selain itu, projek PhD saya juga memenangi pingat perak pada 'Innovative Practices In Higher Education Expo' bagi kategori Sumber Pengajaran dan Pembelajaran yang diadakan di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di Kuala Lumpur.

"Selain itu, saya juga memperoleh pingat gangsa dalam Malaysian

International Research Conference In English Language Education anjuran Malaysian English Language Teaching Association pada 2015," katanya yang bersyukur dapat menamatkan pengajian PhD dan menerima ijazah kedoktorannya Sabtu lalu pada majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Katanya, dia berharap dapat berkongsi pengalamannya dengan pelajar dan mereka yang sedang me-



Dr Umi Kalsom bersama Irman selepas Majlis Konvokesyen UMP, Sabtu lalu.

## INFO

### Penyakit Adhesion Colic

- Orang yang mengalami adhesion colic akan rasa sakit perut (cramp-like pain) disebabkan kelekatan yang berlaku melibatkan saraf.
- Simptomnya, perut akan rasa kembung, rasa loya atau muntah, tidak boleh buang air besar akibat usus tersumbat (intestinal obstruction), jika lebih kritikal najis akan terkeluar dari mulut.
- Paling serius jika usus pecah (perforation). Ada juga pesakit yang mengalami semua simptom tersebut di atas secara serentak iaitu muntah, kesakitan dan abdomen menjadi kembung berterusan melebihi 12 jam, maka seharusnya membuat pemeriksaan doktor kerana dikhawatiri mengalami usus tersumbat tanpa disedari.
- Dalam kes ini usus bukan lagi menyempit tetapi tersumbat sepenuhnya, sehinggakan gas dan makanan tidak boleh bergerak langsung.

nyambung pengajian.

"Menyambung pengajian pada peringkat mana pun, kita perlu kuat hadapi cabaran. Saya anggap cabaran dalam menamatkan PhD ini adalah saat sukar yang memberi hasil sangat berharga," katanya.

15 DR. UMI KALSOM MASROM



Dr Umi Kalsom memenangi pingat gangsa pada Malaysian International Research Conference In English Language Education anjuran Malaysian English Language Teaching Association.



Dr Umi Kalsom bersyukur dengan sokongan semua pihak dalam menamatkan PhD.